

Bahasa Kebangsaan di Malaysia Barat

Apabila perlembagaan bagi Malaysia Barat dibaca maka ditentukan bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa tunggal pada bulan September 1967 hadapan.

Semenjak sepuluh tahun berjalan usaha-usaha untuk menjadikan bahasa itu bahasa rasmi yang tunggal dijalankan dengan berbagai-bagai cara dan keadaan dengan di merata-rata negeri tahun-tahun diadakan Minggu Bahasa, Bulan Bahasa dan sebagainya untuk menggalakkan tiap-tiap orang yang menjadi rakyat negara itu akan bertutur dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ibundanya.

Tidak seorang pun dapat menafikan di dalam usaha-usaha untuk mencapai tujuan-tujuan ini yang sangat bekerja keras mengatur, menyusun dan segala-galanya ialah Tuan Syed Nasir, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang memegang jawatannya di Dewan Bahasa dipinjamkan daripada Jabatan Pelajaran yang beliau berkhidmat semenjak daripada mudanya. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka itu adalah berkaitan semata-mata dengan bahasa tetapi sekiranya tidak dengan kesungguhan,

kecekapan, keyakinan dan kemahuan yang kuat daripada pengarahnya, Tuan Syed Nasir, mungkin usaha-usaha itu tidaklah semaju yang ada sekarang sehingga mendapat perhatian bukan sahaja oleh seluruh rakyat di dalam negeri tetapi juga mendapat penghargaan yang tinggi dan dicontohi oleh luar negeri.

Tahun 1967 telah masuk. Soal undang-undang mengenai bahasa dikemukakan kepada Dewan Parlimen oleh kabinet yang menentukan bahasa rasmi mulai 1 September 1967 ialah bahasa kebangsaan tetapi di mahkamah-mahkamah atau di mana-mana yang difikirkan patut bahasa Inggeris boleh digunakan. Demikian juga tidak ada halangan-halangan bagi menggunakan bahasa-bahasa Cina atau India (Tamil) di mana-mana tempat pengajaran yang bukan daripada jabatan rasmi. Undang-undang ini telah diluluskan dan hanya dibantah oleh pihak pembangkang yang terdiri dari PAS (atas dasar kemelayuan) dan dua pembangkang lagi atas dasar menghendaki digunakan bahasa-bahasa lain.

Kelulusan Rang Undang-undang ini dipandang oleh Tengku Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman adalah muktamad dan boleh difaham daripada perkataan-perkataan beliau, barang siapa membantah dan tidak menyetujui Rang Undang-undang itu maka adalah pengkhianat negara kerana menurut pendapat beliau bahawa persoalan ini mungkin akan menimbulkan penumpahan darah dan undang-undang itu, menurut pandangan beliau, sudah pun diterima dan diperkenanni oleh dua golongan lain dalam Perikatan iaitu Cina dan India.

Di dalam keadaan-keadaan yang keruh ini

golongan-golongan muda daripada orang-orang Melayu (ringkasnya orang-orang Melayu) mempunyai lain pandangan mengenai dengan bahasa ini. Mereka terasa bahawa perlembagaan Fasal 152 telah dicabuli dan masa sepuluh tahun tidak memerlukan lagi bagi bahasa Inggeris digunakan sama kedudukannya seperti yang ada sekarang. Mereka menghendaki supaya bahasa kebangsaan (Melayu) ini mutlak digunakan. Persoalannya mungkin:

1. Kalau campuran bahasa diteruskan dan bahasa Inggeris masih didaulatkan di dalam pertadbiran negara persaingan pekerjaan yang diuntukkan bagi orang-orang Melayu (1-3) akan tidak dapat diisi dengan sepenuhnya.

2. Anak-anak Melayu yang umumnya bersekolah Melayu di kampung-kampung, tidak akan berpeluang mendapat faedah yang wajar daripada persekolahannya kerana pengetahuan hanya dalam bahasa Melayu itu tidak akan dapat meletakkannya di dalam sesuatu jabatan.

3. Persaingan di dalam pengetahuan Inggeris yang masih digunakan, anak Melayu terkebelakang sedang umum jabatan-jabatan nampaknya masih mengutamakan orang yang berpengetahuan bahasa Inggeris.

4. Jurusan-jurusan sekolah Melayu sama ada disenghaja atau tidak, adalah direndahkan daripada jurusan Inggeris.

Berdasarkan ini tentulah mereka berfikir dan terperanjat melihat Rang Undang-undang itu serta merta diterima dan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab nampaknya tidak menggunakan kebijaksanaan di dalam soal-soal bahasa ini di dalam menghadapi suasana yang demikian itu.